



**Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan**

**Pendekatan Konsep *Community Safety and Well Being* (CSWB) terhadap  
Kehidupan Komuniti Penempatan Atas Air: Kajian Kes di Kampung  
Limpaku Pinang, Limbang, Sarawak**

**Shyafiena binti Abdul Aziz**

**Sarjana Sains Sosial**

**2024**

Pendekatan Konsep *Community Safety and Well Being* (CSWB) terhadap  
Kehidupan Komuniti Penempatan Atas Air: Kajian Kes di Kampung Limpaku  
Pinang, Limbang, Sarawak

Shyafiena binti Abdul Aziz

Tesis ini dikemukakan

Bagi memenuhi keperluan Ijazah Sarjana Sains Sosial

(Sosiologi)

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

2024

## PERAKUAN

Saya mengaku bahawa kerja-kerja di dalam tesis ini telah diselaraskan dengan peraturan-peraturan Universiti Malaysia Sarawak, dan tesis ini adalah asli. Tesis ini tidak pernah diterima untuk sebarang ijazah dan tidak dikemukakan secara serentak bagi sebarang pencalonan ijazah lain.



.....  
Tandatangan

Nama: Shyafiena binti Abdul Aziz

No. Matrik: 20020011

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan

Universiti Malaysia Sarawak

Tarikh: 31 Mac 2024

## **PENGHARGAAN**

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Dr Farah binti Zaini di atas sokongan dan tunjuk ajar yang berterusan sepanjang menjalankan kajian ini. Beliau juga banyak memberikan contoh dan panduan yang diperlukan dalam penyelidikan ini. Bimbingan beliau banyak membantu saya sepanjang penyelidikan dan penulisan kajian ini dijalankan.

Di samping itu, saya menghargai kerjasama dari Ketua Kampung Limpaku Pinang, Hj. Simatzaman bin Hj. Sapar dan penduduk kampung dalam pengumpulan data untuk kajian saya.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada ibu bapa saya, Abdul Aziz Abdullah dan Hajjah binti Musa, atas sokongan rohani mereka sepanjang penyelidikan ini dan sepanjang hidup saya.

## ABSTRAK

Perkampungan atas air merupakan penempatan yang dibina berhampiran dengan pesisiran perairan. Penduduk yang tinggal di perkampungan atas air dikategorikan sebagai komuniti yang terdedah kepada faktor-faktor yang berkaitan dengan bencana alam. Mereka juga dapat dianggap sebagai golongan yang berketidakupayaan untuk menentang bahaya atau bertindak balas apabila bencana akan berlaku. Dengan menggunakan konsep *Community Safety and Well-being*, kajian ini memfokuskan tentang keselamatan dan kesejahteraan hidup bagi komuniti di perkampungan atas air. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji elemen-elemen CSWB dalam konteks perkampungan atas air dan menghuraikan konsep CSWB terhadap komuniti di perkampungan atas air. Metodologi yang digunakan adalah *mixed method* iaitu kuantitatif dan kualitatif. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan analisis kuantitatif iaitu deskriptif dan inferensi serta analisis kualitatif menggunakan analisis tematik. Dapatan kajian menunjukkan terdapat lima elemen CSWB yang berkaitan dengan kehidupan komuniti di perkampungan atas air iaitu kehidupan komuniti, kehidupan individu, taraf hidup, keselamatan dan kesihatan. Dalam masa yang sama, terdapat empat isu utama yang dianalisis berkaitan dengan keselamatan dan kesejahteraan komuniti di sini iaitu angin kuat, hujan lebat, kemarau dan ancaman hidupan liar. Hasil dapatan kajian telah membentuk satu kerangka CSWB bagi kehidupan komuniti di perkampungan atas air. Melalui kerangka ini, aspek keselamatan dan kesejahteraan komuniti di peringkat individu dapat diketengahkan. Ia juga dapat menjadi rujukan pihak-pihak lain dalam memperkasakan keselamatan komuniti di perkampungan atas air. Oleh itu, kajian ini juga mencadangkan penambahbaikan kehidupan komuniti seperti telekomunikasi, komunikasi keselamatan dan pembangunan kapasiti terutamanya yang berkaitan dengan keselamatan

dan kesejahteraan. Kajian akan datang dicadangkan agar skop kajian dikembangkan dengan melihat CSWB dari peringkat sistemik dan operasi bagi perkampungan atas air.

**Kata kunci:** CSWB, keselamatan, kesejahteraan komuniti, perkampungan atas air, *mixed method*

***Community Safety and Well Being (CSWB) Concept Approach to Community Life of Water Settlement Area: A Case Study in Kampung Limpaku Pinang, Limbang, Sarawak***

**ABSTRACT**

*Water village are communities located near the open sea and river. Communities that live in water settlement areas are situated totally above the water and are classified as communities that are vulnerable to natural disasters. They are also those who are incapable of avoiding danger or reacting when a disaster is imminent. By using the concept of Community Safety and Well-being, this study focuses on the safety and well-being of life for the community in the village on the water. The objective of this study is to examine the elements of CSWB in the context of water villages and describe the concept of CSWB for communities in water villages. The methodology used is a mixed method that is both quantitative and qualitative. The data obtained was analysed using quantitative analysis, which is descriptive and inferential, as well as qualitative analysis using thematic analysis. The findings of the study show that there are five elements of CSWB related to community life in the water village: community life, individual life, standard of living, safety, and health. At the same time, there are four main issues analysed related to the safety of the community here: strong winds, heavy rains, drought and wildlife threat. The results of the study have formed a CSWB framework for community life in the water village. Through this framework, aspects of community safety and well-being at the individual level can be highlighted. It can also be a reference for other parties interested in empowering community safety in water village. Therefore, this study also suggests improvements in community life such as telecommunications, safety communication, and capacity development, especially related to safety and well-being. Future studies suggest*

*that the scope of the study be expanded by looking at CSWB from a systemic and operational level for water village.*

***Keywords:*** *CSWB, safety, community well-being, water village, mixed method*



## ISI KANDUNGAN

	<b>Mukasurat</b>
<b>PERAKUAN</b>	<b>i</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>ii</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>iii</b>
<i>ABSTRACT</i>	<b>v</b>
<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>vii</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>xiv</b>
<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xiv</b>
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>xvi</b>
<b>BAB 1 PENGENALAN</b>	<b>1</b>
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Pernyataan Masalah	3
1.3 Persoalan Kajian	6
1.4 Matlamat Kajian	6
1.5 Objektif Kajian	6
1.6 Skop Kajian	7
1.7 Kepentingan Kajian	8
1.8 Kesimpulan	8

<b>BAB 2 SOROTAN LITERATUR</b>	10
2.1 Pengenalan	10
2.2 Konsep Keselamatan bagi Individu dan Komuniti	10
2.3 Konsep Kesejahteraan Hidup bagi Individu dan Komuniti	12
2.4 Konsep <i>Community Safety and Well-Being</i> (CSWB)	14
2.4.1 Definisi CSWB dalam Peringkat yang Berbeza	18
2.4.2 Peggunapakaian <i>Community Safety and Well-Being</i> (CSWB) dalam Pembangunan Komuniti di Luar Negara	19
2.5 Perkampungan Atas Air	20
2.5.1 Kriteria Masyarakat Perkampungan Atas Air	20
2.5.2 Ciri-ciri Perkampungan Atas Air	21
2.6 Ringkasan Ciri-Ciri Perkampungan Atas Air di Sarawak	25
2.7 Perbezaan di antara Kampung Atas Air dan Kampung Pesisir Pantai	26
2.8 Elemen-Elemen Keselamatan Dan Kesejahteraan Penduduk Di Perkampungan Atas Air	28
2.9 Kesimpulan	30
<b>BAB 3 KAJIAN KES: KAMPUNG LIMPAKU PINANG, LIMBANG, SARAWAK</b>	31
3.1 Pengenalan	31
3.2 Latar Belakang Kampung Limpaku Pinang	31
3.3 Pengangkutan	37

3.4	Kemudahan Infrastruktur di Kampung Limpaku Pinang	39
3.4.1	Sekolah dan Masjid	39
3.4.2	Jeti atau Titian Pejalan Kaki	42
3.5	Kemudahan Asas di Kampung Limpaku Pinang	43
3.5.1	Kemudahan Telekomunikasi	43
3.5.2	Bekalan Elektrik	44
3.5.3	Bekalan Air	44
3.5.4	Kemudahan Kesihatan	45
3.6	Kesimpulan	46
	<b>BAB 4 METODOLOGI KAJIAN</b>	47
4.1	Pengenalan	47
4.2	Reka Bentuk Kajian	47
4.3	Rangka Kerja Kajian	48
4.4	Saiz Populasi dan Pensampelan Kajian	50
4.5	<i>Mixed Method</i>	51
4.6	Kajian Rintis	51
4.6	Data Kajian	51
4.6.1	Data Primer	51
4.6.2	Data Sekunder	52
4.6.3	Pemerhatian	52

4.7	Instrumen Kajian	53
4.7.1	Soal Selidik	53
4.7.2	Temu Bual	53
4.7.3	Borang Pemerhatian	53
4.8	Data Analisis	54
4.8.1	Analisis Kuantitatif	54
4.8.1.2	Analisis Deskriptif	54
4.8.1.2	Analisis Inferensi	54
4.8.2	Analisis Kualitatif	55
4.8.2.1	Analisis Tematik	55
4.8.2	Jadual Akronim Responden	55
4.9	Alat analisis	56
4.9.1	Pakej Statistik untuk Sains Sosial (SPSS)	56
4.9.2	<i>Microsoft Excel</i>	56
4.10	Etika Penyelidikan	57
4.13	Kesimpulan	58
<b>BAB 5 ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN</b>		59
5.1	Pengenalan	59
5.2	Analisis Demografi Responden	60
5.2.1	Taburan Jantina	60

5.2.2	Kumpulan Umur	61
5.2.3	Bangsa Responden	62
5.2.4	Tahap Pendidikan	63
5.2.5	Status Perkahwinan	64
5.2.6	Taburan Pekerjaan Responden	65
5.2.7	Taburan Kerja Sampingan Responden	66
5.3	Analisis Elemen CSWB Bagi Masyarakat Di Perkampungan Atas Air	67
5.3.1	Analisis Elemen 1: Kehidupan Komuniti	67
5.3.2	Analisis Elemen 2: Kehidupan Individu	68
5.3.3	Analisis Elemen 3: Taraf Hidup	69
5.3.4	Analisis Elemen 4: Keselamatan	70
5.3.5	Analisis Elemen 5: Kesihatan	71
5.4	Analisis Hubungkait Antara Elemen CSWB Bagi Perkampungan Atas Air	72
5.4.1	Analisis Hubungan Antara Elemen Kehidupan Komuniti dan Elemen Kehidupan Individu	72
5.4.2	Analisis Hubungan Antara Elemen Kehidupan Individu dan Elemen Taraf Hidup	74
5.4.3	Hubungan Antara Elemen Kehidupan Individu dan Elemen Keselamatan	75
5.4.4	Hubungan Antara Elemen Kehidupan Individu dan Elemen Kesihatan	76
5.5	Analisis Isu dan Keselamatan Berkaitan Dengan Bencana Alam yang Berlaku Di Kawasan Kampung Atas Air	78

5.5.1	Analisis Tematik mengenai Isu dan Keselamatan Di Kampung Limpaku Pinang	80
5.5.2	Analisis Isu Bencana Alam	81
	Analisis Isu 1: Kemarau	81
	Analisis Isu 2: Angin Kuat	83
	Analisis Isu 3: Hujan lebat	84
5.5.3	Analisis Isu Ancaman Hidupan Liar	85
5.6	Analisis Kekerapan Berlakunya Bencana Alam	86
5.7	Analisis Kesan Bencana Alam Terhadap Kawasan Perkampungan Atas Air	88
5.8	Analisis Langkah dan Tindakan oleh Komuniti Di Kampung Limpaku Pinang	89
5.9	Analisis Cadangan serta Penambahbaikkan Keselamatan dan Kesejahteraan Masyarakat Penduduk Di Perkampungan Atas Air	90
5.10	Dapatan Kajian dan Perbincangan Konsep <i>Community Safety and Well-Being</i> (CSWB) bagi Komuniti Di Perkampungan Atas Air	92
5.10.1	Mengkaji Elemen-Elemen <i>Community Safety and Well-Being</i> (CSWB) dalam Konteks Perkampungan Atas Air.	92
5.10.2	Menghuraikan Konsep <i>Community Safety and Well-Being</i> (CSWB) Terhadap Komuniti Di Perkampungan Atas Air.	100
	<b>BAB 6 KESIMPULAN DAN CADANGAN</b>	103
6.1	Pengenalan	103
6.2	Penemuan Objektif	103

6.2.1	Penemuan Objektif 1: Untuk mengkaji elemen-elemen <i>community safety and well-being</i> (CSWB) dalam konteks perkampungan atas air.	103
6.2.2	Penemuan Objektif 2: Untuk menghuraikan konsep <i>community safety and well-being</i> (CSWB) terhadap komuniti di perkampungan atas air.	104
6.2.3	Penemuan Objektif 3: Untuk mengenal pasti cabaran dan peluang <i>community safety and well-being</i> (CSWB) bagi masyarakat di perkampungan atas air untuk memperbaiki kehidupan.	104
6.3	Cadangan dan Penambahbaikkan Kepada Kajian	105
6.3.1	<i>Sensor Network</i> Untuk Komunikasi	105
6.3.2	Populasi Habitat Buaya di Sungai Kuala Limbang	105
6.3.3	Pemetaan di Kampung Limpaku Pinang	106
6.3.4	Program Latihan Persediaan Kecemasan	106
6.4	Limitasi Kajian	107
6.5	Cadangan Kajian Lanjutan	108
	<b>RUJUKAN</b>	<b>110</b>
	<b>LAMPIRAN</b>	<b>118</b>

## SENARAI JADUAL

	<b>Mukasurat</b>	
Jadual 2.1	Definisi Konsep dalam CSWB	14
Jadual 2.2	Perbezaan antara Kampung Atas Air dan Kampung Pesisir Pantai	26
Jadual 2.3	Elemen-Elemen Keselamatan	28
Jadual 2.4	Kerangka Konseptual Bagi Intergrasi Elemen <i>Community Safety and Well-Being</i> (CSWB) dalam Konteks Perkampungan Atas Air	29
Jadual 3.1	Pecahan Penduduk Kampung Mengikut Etnik	32
Jadual 3.2	Maklumat Pekerjaan Penduduk di Kampung Limpaku Pinang	33
Jadual 3.3	Pecahan Pemilikan Kenderaan	38
Jadual 3.4	Kemudahan Infrastruktur di Kampung Limpaku Pinang	39
Jadual 3.5	Kemudahan Asas di Kampung Limpaku Pinang	43
Jadual 4. 1	Elemen CSWB	55
Jadual 4.2	Akronim Untuk Responden	56
Jadual 5.1	Kehidupan Komuniti di Kampung Limpaku Pinang	67
Jadual 5.2	Kehidupan Individu di Kampung Limpaku Pinang	68
Jadual 5.3	Taraf Hidup di Kampung Limpaku Pinang	69
Jadual 5.4	Keselamatan Komuniti di Kampung Limpaku Pinang	70
Jadual 5.5	Kesihatan Komuniti di Kampung Limpaku Pinang	71
Jadual 5.6	Kolerasi antara Elemen Kehidupan Komuniti dan Kehidupan Individu	72
Jadual 5.7	Kolerasi antara Elemen Kehidupan Individu dan Elemen Taraf Hidup	74
Jadual 5.8	Kolerasi antara Elemen Kehidupan Individu dan Elemen Keselamatan	75
Jadual 5.9	Kolerasi antara Elemen Kehidupan Individu dan Elemen Kesihatan	76
Jadual 5.10	Kesan daripada Bencana Alam yang Berlaku di Kampung Limpaku Pinang	88





## SENARAI RAJAH

	<b>Mukasurat</b>	
Rajah 1.1	Peta Kawasan Kajian	7
Rajah 2.1	Input dan Output <i>Community Safety and Well-Being</i> (CSWB)	16
Rajah 2.2	Peringkat Dalam Definisi Konsep <i>Community Safety and Well-Being</i> (CSWB)	18
Rajah 2.3	Pelan <i>Community Safety And Well-Being</i> (CSWB) Peel 2020-2024	19
Rajah 2.4	Penternakan Akuakultur Ikan di Kampung Awat-Awat, Lawas	21
Rajah 2.5	Perkampungan Atas Air di Kampung Limpaku Pinang, Limbang	22
Rajah 2.6	Jarak Rumah yang Berhampiran di Kampung Awat-Awat, Lawas	23
Rajah 2.7	Titian Konkrit Pejalan Kaki di Kampung Seberang Kedai, Limbang	24
Rajah 2.8	Ciri-Ciri Perkampungan Atas Air	25
Rajah 3.1	Pesta Air di Kampung Limpaku Pinang	34
Rajah 3.2	Reka Bentuk Rumah Atas Air	35
Rajah 3.3	Ruang Rumah Atas Air	36
Rajah 3.4	Peta Kampung Limpaku Pinang	37
Rajah 3.5	Sungai Kuala Limbang	38
Rajah 3.6	SK Kampung Limpaku Pinang, Limbang	40
Rajah 3.7	Dewan Serbaguna Kampung Limpaku Pinang, Limbang	41
Rajah 3.8	Masjid Misbahul Huda, Limbang	41
Rajah 3.9	Titian Pejalan Kaki dan Rumah Enjin	42
Rajah 3.10	<i>Transformer Sesco</i>	44
Rajah 3.11	Tangki Air	45
Rajah 4.1	Rangka Kerja Kajian	49

Rajah 5.1	Taburan Jantina Responden	60
Rajah 5.2	Kumpulan Umur Responden	61
Rajah 5.3	Bangsa Responden	62
Rajah 5.4	Tahap Pendidikan Responden	63
Rajah 5.5	Status Perkahwinan Responden	64
Rajah 5.6	Taburan Pekerjaan Responden	65
Rajah 5.7	Taburan Kerja Sampingan Responden	66
Rajah 5.8	Hubungan antara Elemen Kehidupan Komuniti dan Elemen Kehidupan Individu	73
Rajah 5.9	Hubungan antara Elemen Kehidupan Individu dan Elemen Taraf Hidup	74
Rajah 5.10	Hubungan antara Elemen Kehidupan Individu dan Elemen Keselamatan	75
Rajah 5.11	Hubungan antara Elemen Kehidupan Individu dan Elemen Kesihatan	77
Rajah 5.12	Isu Berkaitan dengan Bencana Alam yang Berlaku di Kampung Limpaku Pinang	78
Rajah 5.13	Isu Yang Berlaku di Kampung Limpaku Pinang	80
Rajah 5.14	Langkah yang Diambil bagi Memastikan Bekalan Air Mencukupi Semasa Musim Kemarau	81
Rajah 5.15	Tangki Air yang ada di Setiap Rumah Penduduk	82
Rajah 5.16	Kesan daripada Bencana Alam: Angin Kuat	83
Rajah 5.17	Jarak Rumah Penduduk di Kampung Limpaku Pinang	83
Rajah 5.18	Situasi yang akan Berlaku Ketika Hujan Lebat	84
Rajah 5.19	Kesan daripada Ancaman Hidupan Liar	85
Rajah 5.20	Tahun berlaku Bencana Alam	86
Rajah 5.21	Kerosakan Yang Terkesan daripada Bencana Alam yang Berlaku di Kampung Limpaku Pinang	87

Rajah 5.22	Keselamatan dan Kesejahteraan Komuniti di Kampung Limpaku Pinang Dipertingkatkan seperti di Kawasan Perkampungan Lain	90
Rajah 5.23	Cadangan dan Penambahbaikan yang Diperlukan di Kawasan Kampung	91
Rajah 5.24	Elemen CSWB dalam Konteks Perkampungan Atas Air	92
Rajah 5.25	Kerangka CSWB bagi Kehidupan Komuniti di Perkampungan Atas Air	93
Rajah 5.26	Elemen 1: Kehidupan Komuniti di Perkampungan Atas Air	94
Rajah 5.27	Elemen 2: Kehidupan Individu di Kampung Limpaku Pinang	95
Rajah 5.28	Elemen 3: Taraf Hidup Penduduk di Kampung Limpaku Pinang	96
Rajah 5.29	Elemen 4: Keselamatan di Kampung Limpaku Pinang	97
Rajah 5.30	Alat Pemadam Api Sementara di Kampung Limpaku Pinang	98
Rajah 5.31	Elemen 5: Kesihatan Penduduk di Kampung Limpaku Pinang	99

## SENARAI SINGKATAN

CPR	<i>Cardiopulmonary Resuscitation</i>
CSKA	<i>Community Safety Knowledge Alliance</i>
CSWB	<i>Community safety and well-being</i>
SGD 3	<i>Sustainable Development Goals 3</i>

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 Latar Belakang Kajian**

Perkampungan atas air merupakan kawasan rumah yang dibina sepenuhnya di atas air dan tidak mempunyai akses jalan raya yang lengkap. Lokasi perkampungan atas air umumnya terletak di kawasan laut, muara sungai dan tebing sungai besar (Mohammad Raduan & Amaluddin, 2001). Komuniti kampung atas air amat berkait rapat dengan nelayan sebagai pekerjaan utama. Kebanyakan perkampungan atas air dibangunkan pada asalnya adalah untuk pelancongan dan ekonomi yang berkaitan dengan perikanan. Komuniti ini juga dikategorikan dalam golongan yang mudah terancam dengan faktor-faktor yang berkaitan dengan bencana alam disebabkan lokasi geografi perkampungan ini. Shaharudin et al. (2005) menyatakan kemudahterancaman telah diperluaskan yang membawa maksud mudah dan cenderung untuk cedera, tergugat kesejahteraan hidup, kehidupan semakin terhimpit, berasa susah dan kecewa kerana kemusnahan harapan, semakin terpinggir daripada arus utama kehidupan, tergugatnya kesihatan serta keselamatan masyarakat adalah antara rujukan yang boleh dirangkaikan dengan kesejahteraan manusia. Beliau juga berpendapat ancaman yang timbul terdiri daripada beberapa tahap iaitu sifat ancaman yang melanda sama ada menggugat hanya kepada seorang individu, komuniti atau keseluruhan masyarakat yang menghuni kawasan tersebut. Tambahan pula, geografi manusia dan ekologi manusia, khususnya, berteori dalam sifat lemah jika berlaku perubahan persekitaran (Adger, 2006).

Keselamatan dan kesejahteraan hidup adalah dua elemen yang saling berkait rapat dengan kehidupan di dalam komuniti. Aspek keselamatan memainkan peranan yang penting kepada penduduk di sesebuah kawasan. Keselamatan bukan sahaja merujuk kepada mempertahankan bandar dari serangan musuh (Zainudin & Malek, 2010) atau ancaman ketenteraan dan isu-isu yang berkaitan (Harun, 2009) tetapi juga merujuk kepada ketiadaan ancaman terhadap sesebuah entiti dalam konteks sesebuah negara (Shawaluddin et al., 2000). Kawasan yang selamat adalah kawasan rumah di mana komuniti berada dalam persekitaran yang selesa dan bahagia. Pelaksanaan *Sustainable Development Goals* 3 (SDG 3) iaitu kesihatan dan kesejahteraan yang baik secara serentak melengkapkan bidang bioperubatan dan penyelidikan yang berkaitan dengan kesihatan dengan cara yang luas, yang membahaskan tidak hanya topik dan kebiasaan mereka tetapi juga hubungan mereka dengan masyarakat madani (Guégan et al., 2018). Beliau menerangkan bahawa SDG 3 adalah sumber yang pelbagai dan universal di mana dasar pembangunan lestari dapat didasarkan, khususnya untuk negara-negara yang sangat diperlukan, dan boleh membawa kepada pemeliharaan kesejahteraan dan kesihatan yang berterusan. Hussain et al., (2011) menjelaskan kesejahteraan yang diungkapkan adalah mereka yang berasa selamat dan dapat mengatasi perkara yang negatif seperti yang lazim digariskan dalam indeks yang mengukur aras kualiti hidup manusia. Seseengah aktiviti yang dijalankan oleh manusia dapat memberikan kesan sama ada positif atau negatif dalam kesejahteraan dan keharmonian penduduk setempat.

Disebabkan oleh hubungan yang lemah antara luar bandar dan bandar, kawasan luar bandar terutamanya di pinggir bandar kurang memanfaatkan faedah daripada pengembangan perbandaran (Economic Planning Unit, 2015). Kawasan bandar amat sinonim dengan kemudahan yang mencukupi atau infrastruktur asas iaitu jalan tar, talian

komunikasi, elektrik dan lain-lain, tidak seperti di kawasan luar bandar yang masih terjejas dengan kemudahan infrastruktur yang terhad (Manggat et al., 2018). Beliau juga menerangkan kesan pembangunan infrastruktur juga berkaitan dengan kualiti perkhidmatan sosial terutama dalam aspek pendidikan, kesihatan dan kualiti hidup masyarakat luar bandar secara amnya. Kawasan perkampungan atas air ini juga masih kekurangan kemudahan asas terutamanya jalan raya. Jalan raya merupakan kemudahan untuk komuniti memudahkan urusan perdagangan dan perniagaan kerana membolehkan pergerakan barangan dan perkhidmatan. Seseengah kawasan kampung atas air juga masih menghadapi masalah dari segi talian komunikasi dan capaian internet yang lemah. Menurut Ghosh (2017), memperbaiki infrastruktur asas, seperti jalan raya, pengangkutan, elektrik, telekomunikasi, perumahan, kesihatan, air dan sanitasi adalah penting untuk pembangunan dan kesejahteraan penduduk luar bandar.

## **1.2 Pernyataan Masalah**

Untuk meningkatkan keselamatan dan kesejahteraan dalam komuniti memerlukan strategi holistik yang merangkumi peningkatan penentu sosial kesihatan dan mengejar transformasi sistemik (Polsinelli, 2020). Beliau juga menerangkan pelbagai faktor menyumbang kepada kebarangkalian komuniti menghadapi keadaan yang berbahaya dan tidak sihat termasuk kemiskinan, akses terhad kepada pendidikan, pengangguran, perumahan yang tidak mencukupi, pengecualian sosial, diskriminasi sistemik termasuk perkauman sistemik dan halangan untuk mengakses perkhidmatan kesihatan dan sosial. Contohnya, akses yang tidak mencukupi untuk perkhidmatan kesihatan mental dan keselamatan, perumahan mampu milik menjadi penghalang untuk menstabilkan banyak individu atau komuniti yang mudah terdedah. Brovarone (2020) menyatakan aksesibiliti adalah prasyarat asas untuk pembangunan lestari, sebagai hak intrinsik dan keadaan tempat